

Ibu sarat hamil naik empat bot ke hospital

PERMAISURI: Tindakan pantas pasukan penyelamat membawa keluar seorang ibu muda sarat mengandung yang terperangkap akibat banjir berjaya menyelamatkannya daripada kejadian tidak diingini.

Nor Syawani Zulkifli, 22, dari Kampung Hulu Seladang, dekat sini, menaiki empat bot sebelum dapat diselamatkan untuk dihantar ke Hospital Setiu berikutan jalan yang menghubungkan rumahnya ke bandar Permaisuri ditenggelami air.

Nor Syawani yang mengandung anak kedua hanya menunggu masa untuk bersalin apabila kandungannya kini berusia sembilan bulan.

"Saya bersama keluarga serta seorang anak berusia dua tahun sentiasa berdoa dan mengingati Allah supaya selamat dalam perjalanan kerana bimbang bot dinaiki rosak.

"Lebih mendebarkan, kami terpaksa menaiki empat bot lain untuk sampai ke bandar Permaisuri dan ia amat menakutkan menjadikan pengalaman ini akan saya ingat

sampai bila-bila.

"Hanya Tuhan tahu betapa takutnya kami ketika mengharungi arus deras dalam keadaan hujan lebat," katanya.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permaisuri, Abd Halim Jusoh dan pasukan bantuan daripada Pejabat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (Dun) Permaisuri yang bertungkus-lumus menyelamatkannya walaupun mereka sendiri berdepan risiko.

Pasukan penyelamat menggunakan bot untuk membawa keluar mangsa yang terperangkap di rumahnya di Kampung Hulu Seladang sejauh 10 kilometer dari bandar Permaisuri berikutan paras air semakin naik.

Selain itu, jalan bandar Permaisuri-Hulu Seladang yang dinaiki air kira-kira tiga meter ditutup kepada semua lalu lintas sejak awal pagi semalam dan pasukan penyelamat terpaksa menggunakan bot untuk mengangkut mangsa banjir ke pusat pemindahan banjir di Surau Kampung Buloh.



BANTU...Nor Syawani (tudung hitam) memangku anaknya yang berusia dua tahun.